



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/05/38 (HQ)

TNB MEMPERKENALKAN PELAN BAYARAN MUDAH DALAM PAKEJ PASCA PKP UNTUK PELANGGAN KEDIAMAN

- Pembayaran berperingkat sehingga Disember 2020
- Surcaj lewat bayar ditangguhkan sehingga 30 September 2020
- Penangguhan pemotongan bekalan sehingga 31 Julai 2020

Dalam usaha untuk mengurangkan impak pandemik COVID-19 kepada rakyat, Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperkenalkan Pakej Bantuan yang merangkumi Pelan Bayaran Mudah (PBM), penangguhan surcaj lewat bayar dan lanjutan penangguhan pemotongan bekalan kepada 7.5 juta pelanggan kediaman.

“Memandangkan pembacaan meter turut ditangguhkan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kami sedar kebimbangan pelanggan kediaman mengenai kenaikan bil mereka apabila pembacaan meter sebenar dilakukan,” kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

“PBM akan dilaksanakan secara automatik bagi semua pelanggan kediaman bermula daripada bil bulanan sebenar pertama yang diterima selepas TNB menyambung semula operasi pembacaan meter pada 15 Mei 2020.”

Seperti yang sedia maklum, TNB telah menangguhkan sementara pembacaan meter fizikal dan penyerahan bil di premis pengguna semasa PKP. Justeru, pengebilan dilakukan mengikut bil anggaran berdasarkan jumlah bil sebelumnya. Bil anggaran boleh didapati menerusi saluran digital TNB seperti portal dan aplikasi myTNB serta perbankan Internet sekiranya bil TNB telah di daftar sebagai pembayar.

Operasi pembacaan meter dan penyerahan bil akan kembali dilakukan bermula 15 Mei 2020 di negeri-negeri zon hijau iaitu Perlis, Pulau Pinang, Kedah, Perak (kecuali Sri Manjung) dan Kelantan. Pelanggan akan beransur-ansur menerima bil sebenar yang diselaraskan mengikut bil anggaran lalu bagi mendapatkan penggunaan sebenar mereka.

“Apabila pelanggan menerima bil bulanan sebenar pertama, mereka mempunyai pilihan untuk membuat pembayaran penuh atau mengikut jumlah PBM. Maklumat pembayaran akan dipaparkan di dalam kotak berwarna kuning pada sudut kanan bahagian atas bil yang diterima.”

Menurut Amir, pakej itu adalah sebagai tambahan kepada diskaun berperingkat berjumlah 2% hingga 50% yang TNB tawarkan kepada pelanggan bagi penggunaan elektrik dari 1 April 2020 hingga 30 September 2020. Ia adalah satu daripada usaha TNB untuk meringankan beban rakyat yang terjejas akibat wabak COVID-19.

S.A. 2020/05/38 (HQ)

Beliau menerangkan juga bahawa penangguhan surcay lewat bayar adalah sehingga 30 September 2020 manakala penangguhan aktiviti pemotongan bekalan adalah sehingga 31 Julai 2020.

“Semua ini adalah sumbangan TNB yang diharapkan dapat membantu pelanggan menyesuaikan diri kepada norma baru dan memudahkan pengurusan kewangan mereka,” kata Amir.

Bagi maklumat lanjut, pelanggan boleh menghubungi TNB CareLine di talian 1-300-88-5454 dari jam 8 pagi hingga 5 petang setiap hari atau emel kepada tnbcareline@tnb.com.my.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 14 Mei 2020, jam 3:00 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /

Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524

atau emel ke media@tnb.com.my